

19 NOV 2000

LID-Kereta

DR MAHATHIR PANDU UJI KERETA SPORTS KLASIK

LANGKAWI, 19 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memandu uji sebuah kereta sport klasik model TD 2000 buatan tangan selepas beliau tiba di sini, hari ini, untuk menghadiri Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) 2000.

Dr Mahathir diiringi oleh isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali semasa beliau memandu model kereta itu yang menggunakan enjin canggih dengan sistem suntikan bahan api elektronik.

Kereta itu kini diedarkan di pasaran domestik oleh Edaran Otomobil Nasional Berhad.

Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah memandu kereta itu hingga ke Berjaya Langkawi Beach and Spa Resort, tempat berlangsungnya LID yang bermula di sini, hari ini.

Sebelum itu, ketibaan Perdana Menteri dan isteri di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi disambut oleh Anggota Parlimen Langkawi Datuk Abu Bakar Taib dan Ketua Eksekutif Commonwealth Partnership for Technology Management Ltd (CTPM) Datuk Dr Miheala Smith serta beberapa orang kenamaan lain.

Dr Mahathir hari ini dijangka menyertai Sesi Langkawi Fellows CPTM sebelum menghadiri sesi khas mengenai "Menempuh Kemajuan dan Berkongsi Pengalaman Praktikal" sebagai pengelola dan pengendali.

Malam ini Dr Mahathir, yang juga Penaung dan Penasihat dialog itu yang bertema 'Arah Aliran Global dan Ekonomi Sedang Muncul', dijadual menyampaikan ucapan dasar di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) di Padang Matsirat.

Lebih daripada 300 orang, termasuk pemimpin-pemimpin serta pegawai-pegawai kerajaan, ketua-ketua eksekutif dan ahli akademik serta media dari lebih 20 negara akan menyertai acara empat hari itu yang bermula di sini, hari ini.

-- BERNAMA

NH PR